





---

[Experts](#)

## **Bila Lagi Nak Jumpa? Raya Menemukan Kita, Masa Memisahkan Kita**

27 March 2026

Hari raya bukan sekadar perayaan, tetapi musim pertemuan iaitu pertemuan manusia yang sepanjang tahun dipisahkan oleh kehidupan. Setelah seminggu umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri, suasana ziarah menziarahi sanak saudara, rakan taulan dan jiran tetangga masih lagi diteruskan. Ada yang masih memenuhi jemputan rumah terbuka, ada yang masih merancang perjalanan menziarahi saudara yang jauh, dan ada juga yang mengambil kesempatan untuk bertemu rakan-rakan lama yang hanya dapat berjumpa setahun sekali.

Hari raya seolah-olah mempunyai satu kuasa yang tidak dimiliki oleh hari-hari biasa. Pada hari raya, manusia sanggup pulang beratus kilometer, sanggup berhadapan dengan kesesakan jalan raya berjam-jam, sanggup bercuti panjang, sanggup meninggalkan kesibukan kerja dan sanggup meluangkan masa hanya untuk satu perkara iaitu berjumpa.

Berjumpa keluarga, berjumpa saudara-mara, berjumpa jiran lama, berjumpa rakan sekolah, dan berjumpa guru lama. Namun, setiap kali pertemuan itu berakhir, biasanya akan keluar satu ayat yang sama, "Nanti kita jumpa lagi... kalau tidak, entah bila lagi nak jumpa."

Ayat yang ringkas ini sebenarnya sangat dalam maknanya. Ia bukan sekadar ayat ketika berpisah, tetapi satu refleksi tentang masa, kehidupan dan hubungan manusia. Persoalannya, bukan lagi sekadar bila kita boleh berjumpa, tetapi persoalan yang lebih besar ialah mengapa manusia semakin jarang berjumpa walaupun teknologi komunikasi semakin canggih, dan mengapa setiap kali berpisah, kita semakin sedar bahawa tidak semua pertemuan akan berulang lagi.

### **Raya Menemukan Kita**

Dalam kehidupan moden yang sibuk, manusia jarang mempunyai masa untuk berkumpul. Ahli keluarga tinggal di tempat yang berbeza, bekerja di negeri yang berbeza, belajar di universiti yang berbeza dan mempunyai jadual kehidupan yang berbeza. Pertemuan menjadi semakin sukar untuk dirancang.

Namun, setiap kali hari raya, sesuatu yang luar biasa berlaku. Kampung yang sunyi menjadi meriah.

---

Rumah yang lama tidak berpenghuni menjadi terang benderang. Jalan kampung yang kosong menjadi sesak. Kanak-kanak berlari, orang dewasa berbual, dapur berasap, dan ruang tamu dipenuhi gelak ketawa.

Hari Raya sebenarnya bukan sekadar perayaan, tetapi institusi sosial yang menemukan semula manusia yang telah lama dipisahkan oleh kehidupan. Sarjana tempatan seperti Syed Hussein Al-Attas pernah menjelaskan bahawa perubahan masyarakat moden menyebabkan hubungan komuniti menjadi semakin longgar kerana manusia lebih banyak berinteraksi melalui organisasi berbanding komuniti. Dalam keadaan ini, perayaan seperti hari raya memainkan peranan penting untuk menyatukan semula hubungan sosial yang semakin renggang.

Melalui ziarah, rumah terbuka dan pertemuan keluarga, manusia memperbaharui hubungan yang mungkin menjadi longgar sepanjang tahun. Mereka bertanya khabar, berkongsi cerita kehidupan, memohon maaf dan menghidupkan semula kenangan lama.

Hari Raya bukan sekadar hari kemenangan selepas Ramadan, tetapi juga hari kemenangan hubungan sesama manusia.

### **Masa Memisahkan Kita**

Jika hari raya menemukan manusia, masa pula perlahan-lahan memisahkan manusia. Inilah mesej paling kuat dalam lirik lagu 'Bila Lagi Nak Jumpa' apabila liriknya menyebut: hari-hari menjadi minggu, minggu-minggu menjadi bulan, bulan-bulan menjadi tahun. Masa bergerak perlahan tetapi pasti. Manusia sering tidak sedar masa berlalu sehingga mereka melihat perubahan pada orang lain, anak saudara yang dahulu kecil kini sudah besar, ibu bapa semakin tua, rakan-rakan sudah membawa haluan hidup masing-masing dan ada juga sahabat yang sudah lama tidak ditemui.

Tokoh pendidikan negara, Ungku Abdul Aziz, pernah menekankan bahawa pembangunan manusia tidak boleh hanya diukur melalui pembangunan ekonomi, tetapi perlu dilihat dari segi kesejahteraan sosial dan hubungan kemasyarakatan. Masyarakat yang maju tetapi hubungan kekeluargaan dan kejiiranannya lemah sebenarnya adalah masyarakat yang kehilangan keseimbangan sosial.

Dalam kehidupan moden, pertemuan sering ditangguhkan kerana kesibukan dan tanggungjawab yang tidak pernah habis. Ramai yang merancang untuk berjumpa, makan bersama atau berkumpul semula, tetapi perancangan itu sering tertunda dari satu masa ke satu masa. Tanpa disedari, masa terus berlalu, manusia berubah dan kehidupan membawa haluan masing-masing. Apabila akhirnya ada kesempatan untuk berjumpa, kadangkala orang yang ingin ditemui sudah tidak mempunyai masa, atau lebih menyedihkan, sudah tiada lagi untuk ditemui.

Di sinilah, manusia mula memahami bahawa masa bukan sahaja membawa manusia ke hadapan, tetapi juga membawa manusia menjauh antara satu sama lain.

### **Silaturahmi, Perpaduan dan Komuniti**

Dalam masyarakat, pertemuan bukan sekadar untuk berjumpa, tetapi untuk membina hubungan sosial dan perpaduan. Sarjana sosiologi tempatan seperti Shamsul Amri Baharuddin menekankan bahawa perpaduan sosial tidak berlaku secara automatik tetapi terbina melalui interaksi sosial yang berterusan dalam kehidupan masyarakat.

Aktiviti seperti ziarah, rumah terbuka, kenduri kendara, gotong-royong dan pertemuan keluarga sebenarnya adalah mekanisme sosial yang membina kepercayaan, kerjasama dan rasa

---

kebersamaan dalam masyarakat. Tanpa pertemuan seperti ini, masyarakat akan menjadi masyarakat yang individualistik dan kurang mempunyai hubungan sosial yang kuat.

Oleh itu, budaya ziarah menziarahi semasa hari raya sebenarnya bukan sekadar budaya, tetapi merupakan asas kepada pembinaan masyarakat yang harmoni dan bersatu.

### **Kepimpinan dan Nilai Bertemu Manusia**

Dalam konteks kepimpinan pula, hubungan manusia merupakan asas kepada kepimpinan yang berkesan. Tokoh pemikir tempatan seperti Siddiq Fadzil sering menekankan bahawa kepimpinan yang berkesan adalah kepimpinan yang berasaskan nilai kemanusiaan dan hubungan dengan masyarakat.

Pemimpin yang baik bukan sahaja hadir dalam mesyuarat, tetapi hadir dalam kehidupan manusia yang dipimpinnya seperti duduk makan bersama, berbual bersama, menziarahi orang sakit dan hadir dalam program masyarakat. Kepimpinan bukan sekadar mengurus kerja, tetapi mengurus manusia dan hubungan antara manusia.

Dalam konteks ini, persoalan “Bila lagi nak jumpa?” juga boleh menjadi persoalan kepada pemimpin iaitu sejauh mana pemimpin bertemu dan berinteraksi dengan orang yang dipimpinnya, bukan hanya melalui mesyuarat tetapi melalui hubungan kemanusiaan.

### **Refleksi Kehidupan: Yang Kita Ingat Adalah Pertemuan**

Apabila manusia semakin berumur, mereka akan mula menyedari bahawa dalam kehidupan ini, banyak perkara yang pernah dikejar sebenarnya tidak kekal lama dalam ingatan. Mesyuarat yang pernah dihadiri, laporan yang pernah disiapkan dan projek yang pernah dilaksanakan sedikit demi sedikit akan dilupakan. Namun, pertemuan dengan manusia jarang dilupakan. Wajah-wajah yang pernah duduk semeja, rakan-rakan yang pernah ketawa bersama, insan yang pernah hadir ketika susah dan orang yang masih bertanya khabar walaupun sudah lama tidak berjumpa. Semua ini kekal dalam ingatan lebih lama daripada pencapaian kerja dan kejayaan material.

Hakikatnya, kenangan manusia tidak terbina daripada pekerjaan semata-mata, tetapi terbina daripada pertemuan dan hubungan kemanusiaan. Manusia mengingati siapa yang pernah meluangkan masa untuk mereka, siapa yang pernah mendengar cerita mereka, siapa yang pernah datang menziarahi dan siapa yang masih menganggap mereka penting walaupun kehidupan masing-masing semakin sibuk. Dalam banyak keadaan, satu pertemuan yang singkat boleh menjadi kenangan yang panjang, manakala bertahun-tahun bekerja kadangkala tidak meninggalkan apa-apa kenangan yang benar-benar bermakna.

Pada akhirnya, manusia akan memahami bahawa yang memberi makna kepada kehidupan bukanlah semata-mata apa yang telah mereka capai, tetapi dengan siapa mereka berkongsi perjalanan hidup tersebut. Kerana dalam perjalanan hidup yang panjang ini, yang paling diingati bukanlah tempat kita bekerja atau jawatan yang pernah kita pegang, tetapi manusia yang pernah berjalan bersama kita walaupun hanya untuk satu jarak yang singkat.

Kesimpulannya, lagu ‘Bila Lagi Nak Jumpa’ bukan sekadar lagu tentang hari raya atau pertemuan sahabat dan keluarga, tetapi merupakan refleksi tentang masa, hubungan manusia dan kehidupan. Hari raya menemukan manusia yang telah lama dipisahkan oleh kesibukan hidup, manakala masa pula perlahan-lahan memisahkan manusia walaupun hubungan masih wujud.

---

Hari Raya Aidilfitri dan amalan ziarah menziarahi memainkan peranan penting sebagai institusi sosial yang menyatukan semula hubungan manusia yang telah lama terpisah oleh kesibukan kehidupan. Pertemuan seperti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan, tetapi juga menyumbang kepada perpaduan masyarakat dan pembinaan komuniti yang harmoni.

Oleh itu, persoalan “Bila lagi nak jumpa?” sebenarnya bukan sekadar soalan biasa, tetapi merupakan satu peringatan tentang masa, hubungan dan kehidupan. Kerana dalam kehidupan ini, manusia mungkin boleh menanggukkan banyak perkara, tetapi tidak semua pertemuan boleh ditanggukkan, dan tidak semua manusia yang kita kenal hari ini akan sentiasa ada untuk kita jumpa pada masa akan datang.

Mungkin sebab itu setiap kali kita berpisah selepas hari raya, kita tidak pernah benar-benar mengucapkan selamat tinggal. Kita hanya berkata, “Nanti kita jumpa lagi,” walaupun dalam hati kita sendiri tidak pasti bila lagi pertemuan itu akan berlaku.

Dan ketika itu, mungkin kita akan memahami sepenuhnya makna satu ayat yang sangat ringkas tetapi sangat dalam:

“Raya menemukan kita, masa memisahkan kita.”



**Oleh: Mohd Raizalhilmy Mohd Rais**

**E-mel: [hilmy@umpsa.edu.my](mailto:hilmy@umpsa.edu.my)**

**Penulis ialah Pengurus Akademi A.D.A.B, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**

**Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**

